



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

16 JUN 2021


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **184 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **66,730 kes**. Tiga (3) kes kematian direkodkan hari ini iaitu dua (2) kes di daerah Tawau, dan satu (1) kes di Semporna. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 226 menjadikan jumlah kumulatif 63,751 orang. Seramai 2,085 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 527 orang di hospital dan 1,558 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 93 orang dan 38 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Sipitang bertukar dari zon jingga ke zon merah

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 18 daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning lima (5) daerah
- Zon Hijau satu (1) daerah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan penurunan sebanyak 46 kes iaitu daripada 230 kes semalam (15 Jun 2021) kepada 184 kes (16 Jun 2021).
- ii Daripada 184 kes jangkitan baharu hari ini, 106 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 49 kes adalah daripada saringan kluster, 18 kes adalah daripada saringan bergejala, dan 11 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii 10 daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Tujuh (7) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka, manakala tiga (3) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu, Kudat (-41), Beaufort (-14) dan Kota Belud (-13).
- iv Walau bagaimanapun, sembilan (9) daerah mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan tujuh (7) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala dua (2) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Kota Kinabalu 60 kes (+11) dan Kunak 15 kes (+10) dan jumlah kes bagi Kota Kinabalu pula sebanyak 27 kes dicatatkan dari Kluster Kionsom Kecil.
- v Pada hari ini, 10 daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Telupid, Kinabatangan, Tongod, Pitas, Kota Marudu, Ranau, Kuala Penyu, Tenom dan Tambunan.
- vi Sehingga kini, Kluster Ocean Blue secara kumulatif telah mencatat 181 kes berbanding dengan 185 orang yang telah disaring.
- vii Angka kes pada hari ini menunjukkan *trend* penurunan setelah beberapa hari berada di atas paras 200 kes jangkitan baharu harian. Sungguhpun begitu, *trend* perubahan angka bagi daerah bukan Zon Hijau adalah tidak statik dan hanya satu (1) Zon Hijau yang berjaya dikekalkan, menunjukkan bahawa terdapat *trend* kebarangkalian masih berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan.

viii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

i **Kluster Kionsom Kecil - Kota Kinabalu** melibatkan penularan jangkitan dalam komuniti yang berkemungkinan berpunca daripada sambutan Hari Kaamatan pada 31 Mei 2021. Kluster ini mula dikesan melalui saringan bergejala di JMC Kota Kinabalu pada 09 Jun 2021. Kes indeks merupakan pekerja lelaki, 31, di Jijiko Engineering Sdn Bhd Inanam dan telah dimasukkan ke PKRC untuk rawatan lanjut dan isolasi, selepas disahkan positif RT-PCR. Susulan kes itu, seramai 86 kontak rapat menjalani ujian saringan COVID-19 pada 12 hingga 13 Jun 2021. Daripada jumlah tersebut, 27 kes baharu dicatat menjadikan jumlah kumulatif kes positif sebanyak 40 kes, manakala 12 sampel didapati negatif dan 34 sampel masih menunggu keputusan.

7 Jumlah kapasiti katil 4,173 unit

- Hospital 722 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,031 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 49.96%.

## B **SOP PENGURUSAN KEMATIAN DI LUAR HOSPITAL**

SOP Pengurusan Kematian Di Luar Hospital di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi Negeri Sabah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- C PKPD KAMPUNG BUKIT GEMUK, TAWAU**
- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Bukit Gemuk, Tawau.
  - 2 Sehingga kini, sebanyak lapan (8) kes positif COVID-19 telah dilaporkan hasil daripada 13 ujian saringan yang telah dilakukan oleh KKM dengan kadar positiviti 61.54%.
  - 3 KKM mendapati berlaku peningkatan kes dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi dalam komuniti.
  - 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Bukit Gemuk, Tawau berkuat kuasa 18 Jun sehingga 01 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
  - 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.
- D PKPD PERUMAHAN ETARA, JALAN AGASEH, LAHAD DATU**
- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Perumahan Etara, Jalan Agaseh, Lahad Datu.
  - 2 Sehingga kini, sebanyak 15 kes positif COVID-19 telah direkodkan hasil daripada 51 ujian saringan yang telah dilakukan oleh KKM dengan kadar positiviti 29.41%.
  - 3 Pada masa sama, KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.
  - 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Perumahan Etara, Jalan Agaseh, Lahad Datu berkuat kuasa 18 Jun sehingga 01 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

**E PKPD KAMPUNG TANJUNG BATU KERAMAT, TAWAU**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Tanjung Batu Keramat, Tawau.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 22 ujian saringan dan daripada jumlah itu, 14 kes positif telah direkodkan dengan kadar positiviti 63.64%.
- 3 Pada masa sama, KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tanjung Batu Keramat, Tawau berkuat kuasa 18 Jun sehingga 01 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

**F PKPD 2 LOKALITI DI KUDAT**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Kudat iaitu:
- Kampung Landung Ayang
  - Taman Lavender
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 65 ujian saringan dan daripada jumlah itu, 17 kes positif telah direkodkan di Kampung Landung Ayang manakala di Taman Lavender, 10 kes positif dikesan selepas 27 individu disaring di lokaliti ini.
- 3 Pada masa sama, KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 18 Jun sehingga 01 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

## **G PENAMATAN PKPD MUKIM PEKAN, KUNAK**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Mukim Pekan, Kunak yang dijadualkan tamat pada 17 Jun 2021.
- 2 Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 1,986 ujian saringan dan 158 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Mukim Pekan, Kunak pada 17 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

## **H PENAMATAN PKPD SMU PANTAI MANIS, PAPAR**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Sekolah Menengah Ugama (SMU) Pantai Manis, Papar yang dijadualkan tamat pada 17 Jun 2021.
- 2 Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 495 ujian saringan dan 200 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di SMU Pantai Manis, Papar pada 17 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

## I STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **375** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **61,375** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **enam (6)** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,196** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **12,374** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **203,758** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **4,118** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **58,001** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 1,842 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 673,563 (mysejahtera 601,736 : laman web 71,580 : talian vaksinasi 247) bersamaan 24.4%.

## J BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **356,241** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

**K LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH,  
PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 155 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 77,088 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 447 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 74 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 105 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - 52 orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
  - 17 orang : Membawa Penumpang Berlebihan.
  - Empat (4) orang : Tiada Penjarakan Sosial
  - Lima (5) orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - 17 orang : Tidak mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan
  - Dua (2) orang : Pemilik Premis Gagal Menyediakan QR Kod Dan Buku Pendaftaran
  - Satu (1) orang : Pemilik Premis Gagal Menghadkan Bilangan Pelanggan
  - Satu (1) orang : Pemilik Premis Gagal Menyediakan Peralatan Saringan Suhu/Tidak Berfungsi.
  - Enam (6) orang : Lain-lain Kesalahan Tidak Tersenarai.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 98 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 29 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,755 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii Enam (6) kompaun telah dikeluarkan atas kesalahan gagal mendaftar masuk ke premis sama ada menggunakan aplikasi mysejahtera atau buku pendaftaran. Kompaun dikeluarkan di daerah Sipitang, Kinabatangan dan Sandakan.

- iii Satu (1) kompaun dikeluarkan atas kesalahan gagal membuat imbasan suhu badan. Kompaun dikeluarkan di daerah Tambunan.
  - iv Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 128 premis perniagaan dan 214 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan kepada individu di kawasan Foh Sang kerana gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran. Tiada kompaun dikenakan kepada premis. 10 anggota penguatkuasa terlibat dengan agihan bakul makanan di PKPD Likas.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 347 lokasi melibatkan seramai 191 anggota APM.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 71 anggota di 90 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 15 premis, melibatkan tujuh (7) buah daerah pada hari ini.
- 8 Sejumlah 243 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 10 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 255 hebahan di seluruh Sabah.

L KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP 3.0 pada hari ini ialah **93.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	94%
2	Beluran	94%
3	Kunak	94%
4	Tenom	94%
5	Kinabatangan	94%
6	Ranau	94%
7	Keningau	94%
8	Beaufort	94%
9	Tuaran	93.5%
10	Sandakan	93.5%
11	Kota Kinabalu	93.5%
12	Penampang	93.5%
13	Kota Marudu	93.5%
14	Semporna	93.5%
15	Lahad Datu	93.5%
16	Kudat	93%
17	Tawau	93%
18	Kota Belud	93%
19	Papar	93%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**

## LAMPIRAN A

### LAMPIRAN A



#### SOP PENGURUSAN KEMATIAN DI LUAR HOSPITAL (PKP NEGERI SABAH: Berkuatkuasa Sepanjang Pandemik COVID-19)

Dikemaskini 15 Jun 2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIWAIAN	
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
MERANGKUMI <ul style="list-style-type: none"><li>• Semua kematian di luar fasiliti hospital</li></ul> PERATURAN YANG BERKAITAN: <ul style="list-style-type: none"><li>• Tertakluk kepada arahan Pejabat Kesihatan/Majlis Perbandaran/Daerah yang berkuatkuasa</li><li>• Tertakluk kepada arahan JKPBN dan MKN</li><li>• Tertakluk kepada Garispanduan</li><li>• Pengurusan Kematian Disyaki Covid-19 di Luar Hospital Semasa Pandemik (KKM 2020).</li><li>• Akta Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988.</li></ul>	Masa Beroperasi: <ul style="list-style-type: none"><li>• Waktu Operasi Sepanjang Pandemik COVID-19</li></ul>	KKM / PDRM/ JHEAINS / HOSPITAL / APM <ul style="list-style-type: none"><li>• Semua kematian di luar hospital dianggap sebagai COVID-19 sehingga dibuktikan sebaliknya melalui ujian PCR/RTK-AG.</li><li>• Semua kematian di luar hospital hendaklah dilaporkan kepada Balai Polis terdekat dan laporan tersebut hendaklah dipanjangkan ke Pejabat Kesihatan Daerah oleh pihak Polis yang menerima laporan.</li><li>• Semua Jenazah wajib dibawa ke kamar mayat hospital oleh pasukan KKM dengan bantuan PDRM untuk ujian PCR/RTK-AG COVID-19.</li><li>• Jenazah yang positif COVID-19 akan diuruskan mengikut garispanduan Pengendalian Kematian Disyaki Atau Disahkan COVID-19</li><li>• Bagi jenazah beragama Islam, penentuan tempat pengkebumian akan ditentukan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah manakala bagi agama lain akan ditentukan oleh ketua agama di daerah masing-masing.</li><li>• Bagi jenazah yang tidak mempunyai agama, penentuan tempat pengkebumian dirujuk kepada Ketua Kampung.</li><li>• Pergerakan Jenazah ke daerah lain hendaklah di atas persetujuan Pejabat Kesihatan Daerah di mana jenazah itu hendak dikebumikan dan melalui kebenaran PDRM di daerah berlaku kematian.</li></ul>	